

Kerjaya Prospek beli 49% saham Aspen Vision Land bernilai RM98 juta bangunkan projek di Batu Kawan

27 May 2025



KUALA LUMPUR 27 Mei - Kerjaya Prospek Group Bhd akan membeli 49% pegangan dalam Aspen Vision Land Sdn Bhd (AVL) dengan nilai RM98 juta bagi membangunkan bersama projek Aspen Vision City di Batu Kawan, Pulau Pinang.

Pengambilalihan itu akan dilakukan melalui anak syarikatnya, Kerjaya Prospek Ventures Sdn Bhd (KPV), menerusi perjanjian langganan saham dan pemegang saham dengan tiga unit syarikat tersenarai di Singapura, Aspen (Group) Holdings Ltd.

KPV akan melanggan 4.41 juta saham biasa baharu dan 935,900 saham keutamaan boleh tebus dalam AVL.

"Selepas pengambilalihan tersebut, AVL akan menjadi syarikat bersekutu Kerjaya Prospek, manakala 51% baki pegangan kekal dimiliki oleh Aspen Vision Development Sdn Bhd," demikian menurut laporan The Malaysian Reserve.

AVL memiliki 80% kepentingan dalam Aspen Vision City Sdn Bhd (AVC) yang juga pemaju utama projek pembangunan bercampur Aspen Vision City di Bandar Cassia.

Daripada jumlah RM98 juta pelaburan berkenaan, sejumlah RM76 juta akan digunakan untuk suntikan modal ke dalam AVC, manakala RM3.45 juta akan digunakan sebagai modal kerja AVL.

Pembiayaan akan diperoleh daripada dana dalaman dan pinjaman bank.

Kerjaya Prospek melihat projek tersebut sebagai pelaburan jangka panjang, dengan jangkaan siap menjelang Ogos 2025, tertakluk kepada kelulusan pihak berkepentingan dan pemberi pinjaman. - [DagangNews.com](https://www.dagangnews.com)